

Mangsa dipindah meningkat 24,594 di Johor, Melaka dan NS

Banjir makin buruk

Oleh HAMDEN RAMLI

KUALA LUMPUR 20 Dis. - Banjir yang melanda Johor, Melaka dan Negeri Sembilan bertambah buruk dengan bilangan penduduk yang dipindahkan meningkat 24,594 orang petang ini.

Serentak itu, Kabinet hari ini mengarahkan bantuan disalurkan segera kepada semua mangsa terutama di Johor yang mengalami situasi terburuk setakat ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan turun meninjau kawasan terbahit esok.

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) turut menyediakan empat buah helikopter Nuri dalam Ops Banjir bagi membantu mangsa di Johor.

Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) pula akan menyediakan laporan terkini setiap satu jam berhubung kejadian banjir yang melanda beberapa negeri berkenaan.

Walaupun hujan dilaporkan berhenti namun bacaan paras air sungai di beberapa kawasan sehingga pukul 12 tengah hari ini menunjukkan air melebihi paras bahaya.

Beberapa kawasan dilaporkan terputus hubungan apabila jambatan yang menghubungkan kawasan berkenaan roboh akibat arus deras.

Hujan lebat yang turun sejak Ahad lalu turut menyebabkan beberapa kawasan rendah di negeri Pahang mula dinaiki air.

Pengarah Direktorat Pengurusan Krisis dan Bencana Biro Keselamatan Negara, Che Moin Umar berkata, bilangan mangsa di Johor, negeri yang paling teruk dilanda banjir, kini mencapai 21,925 orang, berbanding 10,000 orang semalam.

Di Melaka, bilangan penduduk yang dipindahkan meningkat dari 650 orang pada sebelah pagi kepada 2,534 pada sebelah petang manakala di Negeri Sembilan, bilangan mangsa bertambah dari 61 kepada 135 orang.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis pula meminta agensi-agensi bantuan di sekitar Lembah Klang dan utara Semenanjung supaya bersedia menghadapi sebarang kemungkinan

■ Lihat muka 2



MUSIM BANJIR... Beberapa remaja terpaksa memanjat pondok telefon untuk berehat seketika selepas membantu mangsa-mangsa banjir di Kota Tinggi, Johor, semalam. [Lagi berita, gambar di muka 3, 4, 5 dan 16]

Sambungan dari muka 1

Banjir makin buruk

banjir di kawasan berkenaan.

Katanya, berdasarkan unjuran Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), angin kencang berkelajuan antara 50 hingga 60 kilometer sejam dijangka menggerakkan hujan ke kawasan selatan Pahang, Melaka, Negeri Sembilan dan selatan Selangor.

Sementara itu di Johor Bahru, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, jumlah penduduk yang terpaksa ditempatkan di pusat-pusat penempatan sementara di negeri itu naik secara mendadak sejak pukul 5 petang semalam.

Katanya, pada pukul 5 petang semalam sahaja, lebih 10,000 penduduk di seluruh Johor terpaksa dipindahkan dan angka itu meningkat kepada 21,000 orang pada pukul 10 malam tadi dan 28,000 pada 6 pagi ini.

Di Segamat, banjir di daerah itu semakin buruk apabila 3,000 orang dipindahkan manakala semua jalan raya yang menghubungkan ke daerah itu ditutup kepada semua kenderaan berikutan paras air naik sehingga 1.4 meter.

Di Muar, 7,058 penduduk membatikan 1,603 keluarga dari 10 buah mukim di daerah itu telah dipindahkan ke 46 buah pusat pemindahan.

Daerah Pontian pula, seramai 1,833 mangsa banjir dipindahkan ke 16 buah pusat pemindahan dan di Kluang, jumlah mangsa yang dipindahkan meningkat hampir 2,000 orang kepada 9,386 orang.

Sementara itu daerah Batu Pahat seramai 3,691 orang mangsa banjir telah dipindahkan ke pusat pemindahan sementara.

Bagi Johor Bahru pula, ia merupa-

kan banjir yang paling buruk dalam sejarah bandar raya itu dengan 3,500 mangsa banjir ditempatkan di 37 pusat pemindahan sementara.

Di Melaka, lebih 2,000 penduduk di daerah Jasin, Alor Gajah dan Melaka Tengah dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan.

Di Pahang, tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati seramai 171 mangsa dari Kampung Rekoh dan 88 orang dari Kampung Kurnia di Rompin telah dipindahkan.

Di Negeri Sembilan pula, kawasan yang teruk ditenggelami air ialah di sekitar Gemas, Gemencheh dan Tampin.

Sementara itu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) membatalkan semua perkhidmatan ke selatan dan timur Semenanjung kerana laluan kereta api terjejas akibat banjir.